

Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan:

1-800-88-6982



NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP DI JAMBATAN SUNGAI TEMIANG, JALAN TUN DR. ISMAIL SEREMBAN PADA 20 OKTOBER 2020

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 20 Oktober 2020 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi (20 Oktober 2020) – 8.00 pagi (21 Oktober 2020)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah Kontigensi
<p><u>Lokasi:</u> Jambatan Sungai Temiang, Jalan Tun Dr. Ismail, Seremban</p> <p><u>Jenis Kerja:</u> Pengalihan Paip bersaiz 600mm & 250mm</p>	<p><u>Sebahagian kawasan Seremban:</u> Seluruh kawasan Templer, Lobak, Jln. Temiang dan sebahagian Bandar Seremban.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Penghantaran lori tangki• Penempatan tangki statik <p><i>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)</i></p>

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

Hjh. Norzita Binti Ismail
Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.